

RAMAI CULAS BAYAR SEWA PPR, HUTANG CECAH RM70 JUTA

■ Walaupun diberi peluang menyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu kota dengan kadar serendah RM124 sebulan, namun ramai yang tidak membayar sewa sehingga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini berdepan isu tunggakan tinggi mencecah RM70 juta.

MUKA 5

Kadar tunggakan tinggi
beri kesan terhadap
usaha penyelenggaraan,
perkhidmatan melibatkan
kemudahan komuniti

Tunggakan sewa PPR, PA cecah RM70 juta

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF
MOHD ZOKI
KUALA LUMPUR



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini berdepan isu tunggakan sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu kota yang mencecah RM70 juta.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif berkata, kadar tunggakan yang tinggi itu memberi kesan terhadap usaha penyelenggaraan dan perkhidmatan melibatkan kemudahan komuniti.

"Antara langkah yang diambil DBKL ialah pemasangan kunci meter air terhadap unit yang tidak membuat bayaran selepas diberikan tempoh munasabah serta mengeluarkan notis.

"Selain itu, DBKL turut menganjurkan program advokasi kewangan termasuk

melibatkan pelan rundingan kepada penyewa bagi memastikan bayaran dapat dijelaskan dengan sepatutnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Kesejahteraan Komuniti Bandar Selamat PPR Bestari di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa.

Dalam pada itu, Maimunah berkata, penyelenggaraan bangunan menjadi cabaran utama yang perlu ditangani segera berikutan tunggakan yang tinggi mengganggu kelancaran kerja-kerja penyelenggaraan dan operasi kebersihan.

"Hasil kutipan sewa digunakan semula untuk menampung kos melibatkan pembaikan kemudahan awam, penyelenggaraan bangunan dan pelbagai perkhidmatan



MAIMUNAH

yang dinikmati penduduk.

"Sekiranya hasil kutipan sewa rendah disebabkan ramai tidak membayar, ia akan memberi kesan kepada perkhidmatan yang diberikan, namun kita memberi peluang kepada penyewa untuk berunding semula, ada ruang untuk membayar mengikut kemampuan," ujarnya.

Menurut Maimunah, terdapat PPR tertentu seperti di Desa Rejang kini dikendalikan melalui Management Corporation (MC). "Bagaimanapun, DBKL tetap memberikan sokongan dari segi teknikal dan logistik.

"Pengurusan bangunan melalui badan korporat atau MC turut diberi perhatian agar mutu kehidupan penduduk tidak terjejas," katanya.

Mengulas berkaitan sesi libat urus berkenaan, Maimunah berkata, DBKL menerima pelbagai aduan serta

pandangan penduduk mengenai isu keselamatan, penyelenggaraan, tempat letak kereta dan persekitaran.

Selain itu, katanya, DBKL sedang menilai kemungkinan membuka peluang pemilikan rumah kepada penyewa yang benar-benar layak.

"DBKL sedang meneliti semula dasar sedia ada supaya membolehkan penyewa yang layak memiliki unit PPR.

"Sekiranya mereka mempunyai keupayaan, kita pertimbangkan cadangan agar mereka dapat memiliki kediaman yang didiami," katanya.

Sementara itu, Rusdi berkata, program ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran penduduk terhadap kepentingan keselamatan kejuruan serta memperkukuh kerjasama antara agensi penguat kuasa serta komuniti setempat.

Beliau berkata, PDRM sentiasa komited menggerakkan pendekatan berasaskan komuniti selaras prinsip Malaysia Madani bagi mewujudkan kawasan perumahan awam lebih selamat dan harmoni.